



# KOLEKSI DOA

Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wa Sallam

# 1

## Bacaan Ketika Dan Selepas Azan

Sesiapa yang mendengar azan hendaklah dia mengulangi kalimah yang diucapkan oleh muazzin kecuali ketika:

حَيَّ عَلَى الْفَلَاحِ dan حَيَّ عَلَى الصَّلَاةِ

Ketika itu sebutlah:

لَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ

“Tiada daya dan upaya melainkan dengan pertolongan Allah”

Al-Bukhari 1/152, Muslim 1/288



## Bacaan Ketika Dan Selepas Azan

Ucaplah selepas muazzin mengucapkan Kalimah Shahadah:

وَأَنَا أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ  
لَهُ وَأَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ، رَضِيتُ بِاللَّهِ رَبًّا،  
وَبِمُحَمَّدٍ رَسُولًا، وَبِالْإِسْلَامِ دِينًا

"Aku mengaku bahawa tiada Tuhan yang berhak disembah melainkan Allah Yang Esa, tiada sekutu baginya dan Nabi Muhammad adalah hamba serta utusanNya. Aku redha Allah sebagai Tuhan, Nabi Muhammad sebagai rasul dan Islam sebagai agama"

Muslim 1/290, Ibnu Khuzaimah 1/220



## Bacaan Ketika Dan Selepas Azan

“Berselawat ke atas Rasulullah Sollallahu 'Alaihi Wa Sallam selepas selesai mengikuti ucapan muazzin”

Muslim 1/288

اللَّهُمَّ رَبَّ هَذِهِ الدَّعْوَةِ التَّامَّةِ، وَالصَّلَاةِ الْقَائِمَةِ،  
آتِ مُحَمَّدًا الْوَسِيلَةَ وَالْفَضِيلَةَ، وَابْعَثْهُ مَقَامًا  
مَحْمُودًا الَّذِي وَعَدْتَهُ، [إِنَّكَ لَا تُخْلِفُ الْمِيعَادَ]

“Ya Allah, Tuhan yang mensyariatkan seruan Azan yang sempurna dan Solat yang akan didirikan, kurniakanlah kepada Nabi Muhammad keutamaan dan kelebihan, kemuliaan dan darjat yang tinggi serta limpahkanlah kepadanya maqam yang terpuji yang telah Engkau janjikannya. Sesungguhnya Engkau tidak menyalahi janji”

Al-Bukhari 1/152. dalam kurungan riwayat Al-Baihaqi 1/410. Kata Ibnu Baz: Sanadnya Hasan. Lihat: Tuhfah al-Akhyar 38.



# KOLEKSI DOA

Rasulullah Sollallahu 'Alaihi Wa Sallam

# 4

## Bacaan Ketika Dan Selepas Azan

Berdoalah untuk diri sendiri di antara azan dan iqamat kerana doa pada waktu itu tidak ditolak (akan diperkenankan)

At-Tirmizi, Abu Daud, Ahmad. Lihat: Irwa' al-Ghalil 1/262

